

Darurat: Tun M dakwa PM beri maklumat tak lengkap

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN

fadhli.sulaiman@mediarnullia.com.my

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mungkin menyampaikan maklumat tidak lengkap kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang membawa kepada pengisytiharan darurat.

Tun Dr. Mahathir Mohamad mendakwa, ini menyebabkan istana menjadi sasaran kemarahan rakyat akibat daripada tindakan kerajaan yang tidak memberi maklumat mencukupi kepada Seri Paduka.

"Agak ramai orang Melayu marah sekarang, kerana mereka menderita akibat darurat ini. Kita dapat ikuti dalam media sosial.

"Orang Melayu biasa tak derhaka pada raja. Tapi sekarang ni terpaksa sampaikan pada Setiausaha Sulit (kepada Yang di-Pertuan Agong) bahawa orang Melayu mula rasa marah pada raja.

"Ini sangat tidak biasa untuk orang Melayu menentang pemerintah kami. Segalanya diletak di bahu Agong (seolah-olah) apa jua tindakan dikatakan atas arahan Agong,"



DR. MAHATHIR Mohamad hadir dalam majlis penyerahan surat kepada Yang di-Pertuan Agong bagi memohon perkenan baginda untuk menamatkan darurat di Istana Negara, semalam. - UTUSAN/HUSSEIN SHAHARUDDIN

katanya dalam sidang akhbar Jawatankuasa Merayu Penamatan Proklamasi Darurat di hadapan pintu pagar Istana Negara hari ini.

Yang hadir sama Pengerusi Jawatankuasa itu merangkap Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad dan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu.

Mereka memohon menghadap Seri Paduka bagi memper-

kenan penamatan darurat.

Jawatankuasa tersebut mula ditubuhkan pada 12 Mac lalu dan dianggotai 23 ahli politik pembangkang antaranya Senator Datuk Marzuki Yahya (Pejuang); Ahli Parlimen Sepang, Mohamad Hanipa Maidin (Amanah); Senator, Aiman Athirah Sabu (Amanah), Ahli Parlimen Sepanggar, Datuk Mohd. Aziz Jamman (Warisan); Ahli Parlimen Kulai, Teo Nie Ching (DAP);

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil (PKR); Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok (PKR); Ahli Parlimen Petaling Jaya, Maria Chin Abdullah (PKR) dan bekas Ahli Parlimen Batu, Tian Chua (PKR).

Pada 12 Januari lalu, Seri Paduka memberi perkenan darurat dilaksanakan hingga 1 Ogos atau lebih awal, jika jumlah kes Covid-19 dapat dikawal dan diturunkan dengan berkesan.